

## 16,104 diminta baharui lesen

Seramai 16,104 pemegang lesen premis, iklan dan penjaja perniagaan diminta memperbaharui lesen mereka bagi mengelak dikenakan tindakan oleh Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pembaharuan lesen perniagaan untuk 2018 bermula pada 1 November lalu.

Kaunter bayaran kini dibuka setiap hari di ibu pejabat MPK dan Bahagian Perlesenan dan Pasar Borong Kemunting dari jam 8 pagi hingga 4.30 petang.

“Kaunter MPK di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pahang dibuka setiap hari kecuali cuti umum dari jam 8.30 pagi hingga jam 9.30 malam.

“Sebarang pertanyaan boleh hubungi Bahagian Perlesenan di talian 09-5121571,” katanya. *10-11-2017*

*Harian Metro*